

02/03/2004

PM mahu kakitangan awam miliki mentaliti kelas satu

ALOR STAR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu kakitangan awam memiliki mentaliti kelas satu termasuk menguasai bidang teknologi seiring kepesatan infrastruktur negara.

Perdana Menteri berkata, faktor kemanusiaan itu perlu dibaiki supaya negara mempunyai pegawai yang mampu bersaing untuk terus memajukan negara, selain memberikan khidmat yang baik kepada rakyat.

Beliau berkata, infrastruktur yang canggih saja belum menjanjikan kehebatan kerana ia tetap gagal seandainya pegawai yang mengendalikannya tidak cekap.

"Banyak kemudahan di negara ini termasuk di Putrajaya begitu hebat dan berkelas satu, tapi ia tidak akan berguna jika ada pegawai yang memiliki mentaliti kelas tiga.

"(Tun) Dr Mahathir (Mohamad) pasti menangis sekiranya ini berlaku," katanya pada majlis perjumpaan dengan ketua jabatan kerajaan negeri dan Persekutuan di Dewan Seri Negeri, Wisma Darulaman di sini, semalam.

Turut hadir, Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain; Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob; Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir serta bekas Menteri Besar Kedah, Tan Sri Sanusi Junid.

Dalam ucapan lebih sejam itu, Abdullah memberi contoh kegagalan mengiringi kemajuan adalah seperti memiliki kapal terbang canggih tetapi juruterbang tidak tahu mengendalikannya.

"Kita mahu melahirkan kakitangan yang cemerlang, gemilang dan terbilang menjelang Wawasan 2020 tetapi ia juga bukan titik akhir usaha kita. Ia perlu diteruskan untuk memajukan negara kerana yang terbaik tiada hadnya," katanya.

Abdullah juga mengakui tanggungjawab besar mentadbir negara yang kian maju bukan mudah.

"Saya bukan menjadi Perdana Menteri untuk seronok atau bergaya tetapi ini adalah amanah dan ibadat bagi saya.

"Banyak perkara yang perlu dibuat sendiri. Keputusan yang dibuat pula diharap yang terbaik demi kebaikan rakyat kerana jika tidak rakyat pula derita," katanya.

Terdahulu dalam ucapan sejeurus tiba di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Abdullah berkata, beliau gembira dan terharu sambutan rakyat negeri ini sempena lawatannya ke Kedah.

"Kehadiran tuan-tuan yang ramai ini menunjukkan tuan-tuan bersama dengan saya.

"Dalam sejarah Barisan Nasional (BN) dan Umno, pemimpinnya tidak pernah seorang diri (membuat keputusan) sejak kita mula menubuhkan kerajaan," katanya.